

Jalan Masjid India selamat untuk dikunjungi orang ramai



KERATAN Kosmo! Ahad
1 September 2024.

PETALING JAYA – Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Insiden Tanah Jerlus Masjid India semalam mendapati bangunan dan kawasan di Jalan Masjid India adalah selamat untuk dikunjungi.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan akhbar berkata, kesemua agensi terlibat telah melaporkan hasil dapatan masing-masing dalam mesyuarat tersebut.

“Berdasarkan laporan tersebut, didapati bahawa kejadian tanah jerlus adalah bersifat setempat.

“Merujuk kepada maklumat

geologi dan rekod penyiasatan tanah sedia ada, lokasi insiden tanah jerlus terletak atas formasi Kenny Hills dan secara amnya terdiri daripada selang lapis batuan schist, phyllite dan quartzite,” kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, DBKL kini sedang mengecilkan kawasan hoarding di tapak kejadian yang sebelum ini sepanjang 160 meter bermula dari Wisma Yakin sehingga Pondok Polis Jalan Masjid India.

Kata DBKL, kawasan hoarding yang baharu akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu dari

susur masuk tempat letak kereta bawah tanah Wisma Yakin sehingga simpang Jalan Masjid India/Lorong Bunus 1.

Jelas DBKL, kawasan lain adalah mendapan kedua iaitu di hadapan Pondok Polis Masjid India dan sebahagian Lorong Tuanku Abdul Rahman 3.

Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Insiden Tanah Jerlus Masjid India semalam dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL, Mohamad Hamim.

Mesyuarat dihadiri wakil Jabatan Kerja Raya (JKR),

Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) dan Indah Water Konsortium.

Turut hadir Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Institusi Jurutera Malaysia dan Pertubuhan Geoteknikal Malaysia.

Pada 23 Ogos lalu, seorang wanita dikenali sebagai G. Vijaya Lakshmi berasal dari Kuppam, Andhra Pradesh, India hilang selepas terjatuh ke lubang sedalam lapan meter di Jalan Masjid India, selepas pencarian selama 9 hari.